Memo

LEMBAGA GETAH MA LAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM

Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047

Tarikh : 19 Februari 2016

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 18 TAHUN 2016

PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA 2016

Selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan semakan penyesuaian semula Bajet 2016 pada 28 Januari 2016, **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** (KWSP) memaklumkan pengurangan kadar berkanun caruman syer pekerja berkuatkuasa mulai gaji bulan Mac 2016 sehingga bulan Disember 2017 seperti berikut :

i) Daripada 11% kepada **8%** untuk pekerja berumur di bawah 60 tahun;
ii) Daripada 5.5% kepada **4%** untuk pekerja berumur 60 tahun dan ke atas;

2. Walau bagaimanapun, tuan/puan boleh membuat pilihan untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11% dengan melengkapkan Borang Pilihan Mencarum Melebihi Kadar Berkanun (KWSP 17A Khas2016). Borang yang telah lengkap di isi hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia untuk diserahkan kepada pejabat KWSP yang berhampiran selewat-lewatnya pada **29 Februari 2016.**

3. Tuan/puan boleh memuat turun borang KWSP 17A Khas2016 di laman sesawang KWSP di www.kwsp.gov.my mulai 2 Februari 2016. Bersama-sama ini dilampirkan juga borang tersebut dan juga Soalan-Soalan Lazim Penurunan Kadar Caruman Berkanun Syer Pekerja Mulai Upah/Gaji Mac 2016 untuk perhatian dan rujukan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
KREATIF INOVATIF PROGRESIF

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: YBhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

SOALAN-SOALAN LAZIM

PENURUNAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA

MULAI UPAH/GAJI MAC 2016

1. **Apa yang dimaksudkan dengan penurunan kadar caruman syer pekerja yang diumumkan oleh kerajaan pada 28 Januari 2016?**

   Ia adalah pengurangan kadar berkanun bagi syer pekerja mulai upah/gaji bulan Mac 2016 (Caruman bulan April 2016) hingga upah/gaji bulan Disember 2017 (Caruman bulan Januari 2018).

2. **Mengapa berlaku penurunan kadar caruman KWSP syer pekerja?**

   Ia selaras dengan Pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016.

3. **Berapakah penurunan kadar berkanun syer pekerja?**

   Penurunan kadar berkanun ini melibatkan dua kategori pekerja seperti berikut:-

   a. **Ahli/pekerja yang berumur tidak melebihi 60 tahun**

      Penurunan kadar caruman syer pekerja sebanyak 3 peratus daripada 11 peratus kepada 8 peratus; tertakluk kepada Jadual Ketiga Pindaan 2016.

   b. **Ahli/pekerja yang berumur 60 tahun dan ke atas**

      Penurunan kadar caruman syer pekerja sebanyak 1.5 peratus daripada 5.5 peratus kepada 4 peratus; tertakluk kepada Jadual Ketiga Pindaan 2016.

4. **Di mana majikan/pekerja boleh merujuk Jadual Ketiga?**

   Jadual Ketiga boleh diperoleh di laman web KWSP www.kwsp.gov.my

5. **Bilakah tempoh kuat kuasa penurunan kadar ini?**

   Mulai upah/gaji bulan Mac 2016 (Caruman bulan April 2016) hingga upah/gaji bulan Disember 2017 (Caruman bulan Januari 2018).

6. **Adakah syer majikan diturunkan?**

   Tidak. Kadar caruman syer majikan kekal pada kadar semasa.

7. **Bolehkah ahli/pekerja mengekalkan kadar caruman syer pekerja semasa iaitu 11 peratus atau 5.5 peratus?**

   Boleh dengan melengkapkan Borang KWSP 17A (Khas2016) untuk **mengekalkan** 11 peratus bagi ahli/pekerja yang berumur tidak melebihi 60 tahun dan 5.5 peratus bagi ahli/pekerja yang berumur 60 tahun dan ke atas.

8. **Bolehkah ahli/pekerja mengekalkan pilihan kadar caruman syer pekerja melebihi daripada 11 peratus atau 5.5 peratus?**

   Boleh dengan melengkap Borang VE biasa iaitu Borang KWSP 17A (AHL) secara individu atau Borang KWSP 17AA (AHL) secara berkumpulan.

9. **Di mana Borang KWSP 17A (Khas2016) boleh diperoleh?**

   Borang boleh diperoleh dari laman web KWSP www.kwsp.gov.my.

10. **Dimanakah majikan/pekerja boleh menghantar Borang KWSP 17A (Khas2016)?**

    Borang boleh dihantar ke kaunter atau di pos ke mana-mana pejabat KWSP Cawangan.

11. **Bolehkah pilihan melalui Borang KWSP 17A (Khas2016) dibatalkan?**

    Tidak. Pilihan tersebut terpakai untuk tempoh upah/gaji bulan Mac 2016 (Caruman bulan April 2016) hingga Disember 2017 (Caruman bulan Januari 2018) tertakluk kepada bulan upah/gaji berikutnya selepas Borang KWSP 17A (Khas2016) diterima oleh KWSP.

12. **Bagaimana pilihan ini boleh terbatal?**

    Ia boleh terbatal dalam keadaan berikut:

    a. Mulai upah/gaji bulan Januari 2018 (caruman bulan Februari 2018);

    b. Ahli/pekerja bertukar majikan. Ahli/pekerja hendaklah mengemukakan borang yang baharu bagi majikan baharu jika hendak mengekalkan kadar pilihan semasa.

13. Bagaimanakah pengiraan caruman bagi ahli/pekerja yang menerima upah/gaji melebihi RM20,000?

Caruman ahli/pekerja hendaklah dikira pada kadar caruman yang dipilih daripada amaun upah/gaji bagi bulan itu dan caruman hendaklah digenapkan kepada ringgit yang berikutnya.

14. Bilakah majikan atau ahli boleh mula mengemukakan Borang KWSP 17A (Khas2016) kepada KWSP?

Mulai sekarang sehingga 30 November 2017.

15. Bilakah majikan boleh kemukakan Borang 17A (Khas2016) untuk membolehkan tarikh kuat kuasa pada upah/gaji Mac 2016 (caruman April 2016)?

Mulai sekarang sehingga 29 Februari 2016.

16. Bilakah pilihan ini berkuat kuasa?

Pilihan ini adalah berkuat kuasa mulai upah/gaji bulan berikut selepas notis ini diterima oleh KWSP sehingga upah/gaji bagi bulan Disember 2017. Contohnya, Borang 17A (Khas2016) dikemukakan pada September 2016, ia akan berkuat kuasa mulai upah/gaji Oktober 2016 (caruman November 2016).

17. Bagaimana cara majikan yang mempunyai ramai pekerja untuk mengemukakan Borang KWSP 17A (Khas2016)?

Majikan yang mempunyai ramai pekerja boleh menghantar Borang KWSP 17A (Khas2016) bersama senarai lampiran maklumat pekerja yang telah memilih untuk mengekalkan caruman pada kadar 11 peratus atau 5.5 peratus. Majikan hendaklah mengemukakan pengesahan khas mengenai persetujuan ini seperti contoh di Lampiran 1 (klik di sini). Bukti persetujuan pilihan ahli/pekerja hendaklah disimpan oleh majikan.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

KWSP 17A (Khas2016)

NOTIS PILIHAN MENCARUM MELEBIHI KADAR BERKANUN (SYER PEKERJA)

(A) MAKLUMAT MAJIKAN

Nombor Majikan

Nama Majikan

(B) MAKLUMAT AHLI / PEKERJA

1. **Bagi Ahli / Pekerja yang berumur tidak melebihi 60 tahun :**

   Saya / Kami dengan ini membuat **PILIHAN** untuk mencarum sebanyak **3%** melebihi kadar berkanun (8%) bagi syer pekerja yang keseluruhannya berjumlah **11%** tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.

2. **Bagi Ahli / Pekerja yang berumur 60 tahun dan ke atas:**

   Saya / Kami dengan ini membuat **PILIHAN** untuk mencarum sebanyak **1.5%** melebihi kadar berkanun (4%) bagi syer pekerja yang keseluruhannya berjumlah **5.5%** tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.

Pilihan ini adalah berkuat kuasa mulai upah bulan berikut selepas notis ini diterima oleh KWSP sehingga upah bagi bulan Disember 2017.

Bil	No. Ahli	No. Kad Pengenalan	Nama Ahli / Pekerja (Nama Penuh Seperti Kad Pengenalan)	Tandatangan Ahli / Pekerja
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				

(C) PENGESAHAN MAKLUMAN MAJIKAN

Kami dengan ini mengesahkan dan mengambil maklum bahawa pekerja di atas telah memilih untuk mencarum kepada KWSP melebihi kadar berkanun seperti yang dinyatakan di dalam notis ini.

Tandatangan Majikan / Wakil _____

Nama _____

No. Kad Pengenalan _____

Jawatan _____

No. Tel. dan e-mel _____

Tarikh _____

SILA PASTIKAN :

a) Pengesahan Makluman Majikan diisi dengan lengkap.

b) Notis ini dihantar kepada mana-mana pejabat KWSP yang berdekatan.

Cop Rasmi Majikan

UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA

Tarikh Terima (HH/BB/TT) __ __ / __ __ / __ __

No. Anggota

Cawangan

Cop Tarikh Terima

Sila hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP 03 – 8922 6000 untuk sebarang pertanyaan.